

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri perjalanan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Mac 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Travel Pro – Domestik (Keluarga)?

Insurans Travel Pro – Domestik (Keluarga) memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, sebuah keluarga seramai 5 orang bagi perjalanan selama 5 hari dalam Malaysia, dengan bayaran sebanyak RM44.00 (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan) bagi setiap Keluarga, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
- Kematian akibat kemalangan – RM450,000 - Hilang upaya kekal – sehingga RM450,000 - Perbelanjaan perubatan dan lain-lain (kemalangan sahaja) – sehingga RM75,000 - Rawatan susulan untuk kecederaan yang dialami semasa perjalanan (dalam tempoh 14 hari) – sehingga RM5,000 - Manfaat perubatan semasa kesusahan – RM100 sehari, sehingga RM3,000 - Lawatan ihsan – sehingga RM4,500 - Pemindahan perubatan kecemasan – sehingga RM100,000 - Penghantaran balik – sehingga RM15,000 - Liabiliti peribadi – sehingga RM200,000 - Memendekkan perjalanan – sehingga RM4,500 - Kelewatan perjalanan dan pembatalan separa perjalanan – RM150 setiap 6 jam penuh berturut-turut, sehingga RM1,800 - Hak milik peribadi: i. Kehilangan dan/atau kerosakan bagasi peribadi – sehingga RM3,000 (satu atau sepasang atau satu set barangan yang dihadkan kepada RM200) ii. Kelambatan bagasi – RM50 setiap 6 jam penuh berturut-turut, sehingga RM600	- Risiko peperangan - Pekerjaan tertentu yang melibatkan aktiviti berisiko tinggi - Aktiviti udara selain sebagai penumpang dalam pesawat yang berlesen - Sukan professional - Persembahan berisiko tinggi - Membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan - Mana-mana gangguan mental, emosi, mental dan/atau saraf - Melahirkan anak, keguguran dan kehamilan - AIDS - Di bawah pengaruh alkohol dan dadah - Keadaan yang sedia ada - Perjalanan bertentangan dengan nasihat doktor anda <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbahari polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans pelancongan, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Travel Pro – Domestik (Keluarga) ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM44.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM44.00 setiap Keluarga .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028, dengan syarat premium kasar tahunan tidak melebihi RM150)
Komisen	25% daripada premium atau RM11.00 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM3.52

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Adalah syarat kontrak insurans ini bahawa bayaran premium penuh perlu dijelaskan dan diterima oleh pihak kami sebelum perlindungan bermula.
- Kelayakan – Pada tarikh kuat kuasa perlindungan ini:
 - (a) Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur antara 18 hingga 79 tahun;
 - (b) anak mestilah bermaksud orang yang belum berkahwin atau mereka yang tidak melebihi 18 tahun atau di bawah 23 tahun jika mendaftar untuk pengajian sepenuh masa di institusi yang diiktiraf bagi pembelajaran atau pengajian tinggi dalam tempoh polisi.
 - (c) negara tempat tinggal Orang Yang Diinsuranskan mestilah Malaysia dan mesti menetap di Malaysia.
- Polisi ini melindungi anda semasa dalam perjalanan dan sebarang lanjutan, sama ada sebelum atau selepas perjalanan, seperti yang dinyatakan dalam polisi.
- Keluarga merujuk kepada ibu bapa yang melancong bersama atau tanpa anak(-anak) terdekat mereka dan terhad kepada 2 orang dewasa dan 3 orang kanak-kanak.
- Anda mestilah memberikan notis bertulis mengenai apa-apa tuntutan atau apa-apa kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini dengan segera dalam tempoh 30 hari selepas berlakunya apa-apa kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Untuk Perjalanan Tunggal:

- Bayaran balik premium tidak dibenarkan selepas polisi dikeluarkan.

Untuk Perjalanan Tahunan:

- Jika Pemegang Polisi memberi notis kepada Syarikat untuk menamatkan polisi ini, penamatan demikian hendaklah berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang ditetapkan di dalam notis demikian, yang mana lebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh melewati tarikh polisi ini, Syarikat akan mengekalkan premium tempoh pendek seperti dalam jadual bayaran balik premium, dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa tempoh insurans semasa.
- Syarikat boleh memberi notis penamatan melalui surat berdaftar kepada Pemegang Polisi di alamat terakhirnya. Penamatan tersebut hendaklah bermula 7 hari berikutan tarikh notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh selepas tarikh penamatan polisi, premium pro-rata akan dikembalikan kepada Pemegang Polisi dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh insurans semasa.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

1. Jadual Manfaat

NO.	MANFAAT	HAD	DOMESTIK (RM)
			HEBAT
1.	Kematian akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal	Setiap Dewasa (Sehingga umur 70 tahun)	150,000
		Setiap Dewasa (Melebihi umur 70 tahun)	75,000
		Setiap Kanak-kanak	50,000
		Setiap Keluarga	450,000
2.	Perbelanjaan Perubatan dan Lain-lain	Setiap Dewasa (Sehingga umur 70 tahun)	25,000 (kemalangan sahaja)
		Setiap Dewasa (Melebihi umur 70 tahun)	12,500 (kemalangan sahaja)
		Setiap Keluarga	75,000 (kemalangan sahaja)
	Tertakluk kepada sub-had berikut: • Rawatan susulan untuk kecederaan yang dialami semasa perjalanan	Setiap Keluarga	5,000 (dalam tempoh 14 hari)
3.	Manfaat Perubatan semasa Kesusahan	Sehari	100
		Setiap Orang Yang Diinsuranskan	1,000
		Setiap Keluarga	3,000
4.	Lawatan Ihsan	Setiap Orang Yang Diinsuranskan	1,500
5.	Pemindahan Perubatan Kecemasan	Setiap Keluarga	100,000
6.	Penghantaran Balik	Setiap Orang Yang Diinsuranskan	5,000
		Setiap Keluarga	15,000
7.	Liabiliti Peribadi	Setiap Orang Yang Diinsuranskan	100,000
		Setiap Keluarga	200,000
8.	Memendekkan Perjalanan	Setiap Orang Yang Diinsuranskan	1,500
		Setiap Keluarga	4,500
9.	Kelewatan Perjalanan dan Pembatalan Separa Perjalanan	Setiap 6 jam penuh berturut-turut	150
		Setiap Orang Yang Diinsuranskan	600
		Setiap Keluarga	1,800
10.	Hak Milik Peribadi		
	10.1 Kehilangan dan/atau Kerosakan Bagasi Peribadi	Setiap Orang Yang Diinsuranskan	1,000
		Setiap Keluarga	3,000
	Tertakluk kepada sub-had berikut: • Satu atau sepasang atau satu set barangan		200
	10.2 Kelambatan Bagasi	Setiap 6 jam penuh berturut-turut	50
		Setiap Orang Yang Diinsuranskan	200
		Setiap Keluarga	600

2. Jadual Premium

Tempoh Perjalanan	Domestik (RM)
	Hebat
1 – 5 hari	44.00
6 – 10 hari	54.00
11 – 18 hari	79.00
19 – 31 hari	103.00
Minggu tambahan	34.00
Tahunan	195.00

Nota: Premium tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang dikenakan.